

'Tiada jaminan kejayaan di negara lain'

BH 10 JUN 2000

TOKYO, Jumaat — Malaysia tidak boleh menggalakkan atau memberi jaminan kawalan modal dan mata wang boleh berjaya di negara lain kerana sistem kewangan dan ekonomi yang berbeza.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Malaysia berjaya mengatasi krisis ekonomi melalui pendekatan itu kerana rizabnya yang tinggi iaitu 39 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Perdana Menteri berkata demikian ketika menjawab soalan seorang wartawan Indonesia pada sesi dialog selepas memberi ucapan bertajuk "Masa Depan Asia" pada Persidangan Antarabangsa Nikkei Keenam di sini, hari ini.

Wartawan akhbar *Bisnes Indonesia* itu yang mendakwa kaji selidik yang dijalan-

kan di Indonesia mendapati 70 peratus rakyatnya mahu negara itu mengikut langkah Malaysia, juga bertanya sama ada kawalan modal dan mata wang boleh berjaya di Indonesia.

"Sebelum melaksanakan-nya, kami mengkaji semua data ekonomi dan kewangan dan mendapati Malaysia adalah antara negara yang mempunyai simpanan yang besar di dunia.

"Malaysia juga mempunyai dasar di mana semua hasil jualan barangan Malaysia di luar negara mesti dimasukkan ke Bank Negara dalam mata wang negara pembeli dan boleh memberi ringgit Malaysia sebagai pertukaran untuk kegiatan perniagaan penjual," katanya.

Menjawab satu lagi soalan, Perdana Menteri berkata, peniaga dan syarikat Si-

ngapura adalah antara pelabur asing terbesar di Malaysia dan mereka sentiasa diarah-alukan untuk membuat pelaburan baru.

Katanya, kegagalan Singapore Telecommunication Ltd (SingTel) untuk melabur dalam syarikat Time Engineering Berhad baru-baru ini bukan kerana masalah hubungan antara kedua-dua negara.

"SingTel juga cuba melabur dalam syarikat Hong Kong Cables Wireless dan apabila gagal tak ada sesiapa mendakwa ia kerana hubungan renggang Singapura dan Hong Kong, tetapi dalam kes Malaysia, ia sengaja dijadikan isu," katanya.

Kepada soalan lain, Dr. Mahathir berkata, hanya pelajar tajaan kerajaan saja dikenakan syarat mesti kembali selepas tamat pengajian.

"Ramai pelajar persendi-

rian kekal bekerja di luar negara atau berhijrah terus kerana gaji yang tinggi. Kita tidak boleh halang setiap orang," katanya menjawab masalah aliran keluar tenaga mahir.

Ditanya peserta lain mengenai hubungan antara kerajaan dan rakyat, Dr Mahathir berkata kerajaan mesti mengambil tindakan menyokong rakyat majoriti jika tuntutan minoriti/individu boleh menjejaskan kepentingan mereka.

"Dalam setiap sistem, kita ada kumpulan majoriti dan suara minoriti dan sebarang cubaan minoriti untuk menguasai majoriti akan menjejaskan mereka.

"Hak dan kepentingan individu juga tidak boleh menjadi lebih besar daripada rakyat majoriti. Jika itu berlaku tak ada guna demokrasi," katanya.